

## SOALAN LAZIM – PENJADUALAN & PENSTRUKTURAN SEMULA PEMBIAYAAN BAGI PELANGGAN YANG TERKESAN AKIBAT PANDEMIK COVID-19

SOALAN UMUM		
NO.	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah itu Penjadualan dan Penstrukturan Semula?	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Penjadualan Semula</b> - Penjadualan semula kemudahan kredit bermaksud mengubah syarat pembayarannya tanpa mengubah terma dan syarat utama kemudahan kredit tersebut dengan ketara.</li> <li><b>Penstrukturan Semula</b> - Kemudahan kredit yang disusun semula melibatkan pengubahsuaian dalam terma dan syarat utama kemudahan yang memerlukan pelaksanaan perjanjian baru ('aqad') kerana peningkatan harga jualan asal atau perubahan jenis kemudahan tersebut.</li> </ul>
2	Apakah objektif Penjadualan dan Penstrukturan Semula?	<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk memberikan bantuan kepada individu dan perniagaan yang menghadapi kekangan kewangan sementara berikutan pandemik Covid-19.</li> <li>Merupakan platform untuk membantu pelanggan mengatasi kesulitan kewangan jangkamasa pendek terutamanya di mana prospek jangkamasa panjang perniagaan atau projek dianggap dapat terus dilaksanakan.</li> </ul>
3	Siapakah yang layak untuk memohon Penjadualan dan Penstrukturan Semula?	<p>Pelanggan sedia ada Agrobank:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Yang mempunyai tunggakan semasa dengan Agrobank; dan/atau</li> <li>Yang terjejas pendapatannya disebabkan oleh pandemik Covid-19 serta Perintah Kawalan Pergerakan oleh Kerajaan.</li> <li>(Nota: Tertakluk kepada pembiayaan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Agrobank)</li> </ul>
4	Bilakah tarikh akhir bagi permohonan Penjadualan dan Penstrukturan Semula ini?	Tempoh permohonan bagi Penjadualan dan Penstrukturan Semula ini akan berakhir pada 31 Disember 2020.
5	Sekiranya pelanggan berminat untuk Penjadualan dan Penstrukturan Semula, adakah terdapat sebarang kos atau caj yang terlibat?	Agrobank tidak mengenakan caj pemprosesan (untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana) bagi tujuan Penjadualan dan Penstrukturan Semula tersebut.
6	Adakah rekod CCRIS pelanggan akan terjejas sekiranya pelanggan memilih untuk Penjadualan dan Penstrukturan Semula?	Tidak. Sebarang permohonan Penjadualan dan Penstrukturan Semula oleh pelanggan yang diluluskan oleh pihak Agrobank sebelum 31 Disember 2020 tidak akan diklasifikasikan sebagai Penjadualan dan Penstrukturan Semula dalam CCRIS.
7	Apakah jenis produk pembiayaan yang layak untuk Penjadualan dan Penstrukturan Semula?	Semua jenis produk pembiayaan yang ditawarkan oleh Agrobank.

8	Adakah pelanggan di bawah program Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) atau Small Debt Resolution Scheme (SDRS) layak bagi Penjadualan dan Penstrukturan Semula?	Tidak. Pelanggan yang telah menyertai program AKPK atau SDRS disarankan untuk berbincang dengan Agensi berkenaan untuk mendapatkan bantuan.  • <b>Pusat Perhubungan AKPK : 03 - 2616 7766.</b> • <b>Pusat Perhubungan SDRS : 03 - 2174 1515.</b>
9	Adakah pelanggan yang pernah menjadualkan dan menstrukturkan semula akaun pembiayaan mereka sebelum ini layak memohon Penjadualan dan Penstrukturan Semula ini?	Bagi akaun-akaun pembiayaan yang telahpun dilaksanakan Penjadualan dan Penstrukturan Semula sebelum ini, pelanggan boleh berbincang dengan pihak cawangan Agrobank yang berkaitan berhubung cara penyelesaian bayaran yang terbaik.
10	Bagaimanakah cara untuk pelanggan memohon Penjadualan dan Penstrukturan Semula?	Untuk memohon, pelanggan boleh mengisi borang di laman web Agrobank <a href="https://www.agrobank.com.my/rnonlineform/">https://www.agrobank.com.my/rnonlineform/</a>  Sekiranya memerlukan sebarang maklumat atau penjelasan lanjut, boleh menghubungi Pusat Panggilan Agrobank di talian <b>1- 300 - 88 - 2476</b> atau hadir ke cawangan berhampiran anda.
11	Jika pelanggan telah diberikan moratorium secara automatik, adakah pelanggan boleh memohon Penjadualan dan Penstrukturan Semula?	Ya, pelanggan yang ditawarkan moratorium secara automatik juga boleh memohon untuk Penjadualan dan Penstrukturan Semula ini.
12	Adakah ansuran pembiayaan pelanggan akan berubah sekiranya pelanggan menyertai program Penjadualan dan Penstrukturan Semula?	Ia bergantung kepada pelaksanaan Penjadualan dan Penstrukturan Semula tersebut.
13	Apakah dokumen yang diperlukan untuk permohonan Penjadualan dan Penstrukturan Semula?	Pelanggan perlu mengemukakan sesalinan penyata Bank terkini bagi tempoh tiga (3) bulan dan sebarang dokumen tambahan lain (sekiranya ada) yang diperlukan oleh pihak Bank mengikut kesesuaiannya bagi pembiayaan tersebut.
14	Sekiranya akaun pembiayaan pelanggan tertunggak, adakah pelanggan boleh memohon bagi Penjadualan dan Penstrukturan Semula?	Ya, semua pelanggan layak untuk memohon bagi Penjadualan dan Penstrukturan Semula tetapi untuk pembiayaan yang mempunyai tunggakan melebihi 90 hari permohonan adalah tertakluk kepada penilaian Agrobank secara normal mengikut terma dan syarat sedia ada.
15	Pelanggan tiada pendapatan tetap akibat kehilangan pekerjaan. Adakah pelanggan layak untuk memohon Penjadualan dan Penstrukturan Semula?	Pelanggan yang tidak mempunyai pendapatan tetap boleh memohon bagi Penjadualan dan Penstrukturan Semula Pembiayaan dan dinasihati untuk berkunjung ke cawangan Agrobank yang terdekat untuk perbincangan lanjut.
16	Bolehkah pelanggan memilih untuk tidak menyertai program Penjadualan dan Penstrukturan Semula?	Penjadualan dan Penstrukturan Semula ini hanya akan dilaksanakan dengan permohonan daripada pelanggan. Pelanggan tidak perlu memohon sekiranya tidak berminat untuk melaksanakan Penjadualan dan Penstrukturan Semula pembiayaan.
17	Berapakah had baki pembiayaan untuk memohon Penjadualan dan Penstrukturan Semula?	Tiada had pembiayaan yang ditetapkan untuk memohon Penjadualan dan Penstrukturan Semula. Walaubagaimanapun, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kesesuaian setiap permohonan serta terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak Agrobank.